

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 6 RABU 11 FEBRUARI, 1970 1389 رابو 4 ذوالحججه PERCHUMA


ISTIADAT MENGARAK Y.T.M. PG. PERDANA WAZIR DI-LANGSONGKAN DGN. PENOH ISTIADAT

BANDAR BRUNEI. — Istiadat Mengarak bagi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Muda Mohammad Bolkiah menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar telah selamat berlangsung di-Lapau Bandar Brunei pada hari Juma'at 6 Februari lepas.

Istiadat yang di-langsungkan dengan penoh Adat Istiadat Diraja turun temurun itu di-hadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ahli2 Yang Berhormat, Pengiran2 dan Menteri2 Pendalaman, Ketua2 Jabatan serta para jemputan khas.

Dengan perasmian Istiadat Mengarak itu menjadikan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar sa-bagai Kepala Wazir bagi Negeri Brunei.

Istiadat yang bersejarah itu di-mulakan sa-baik2 sahaja Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong berangkat tiba di-Lapau pada pukul 3.10 petang dengan di-iringi oleh pegawai2 yang membawa Perhiasan Tuggal serta alat2 kebesaran Diraja. Sa-jurus sa-telah itu chiri pun di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Si-Raja Khatib Awang Haji Abdul Hamid dan di-ikuti dengan tembakan meriam sa-banyak 17 das untuk menandakan perasmian gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar sa-bagai Ke-



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar menyusun sembah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika chiri gelaran di-bachakan.

pala Wazir bagi Negeri Brunei.

Dalam pada itu, kurnia persalinan dan alu2an pun di-anugerahkan yang terdiri daripada sa-bilah KERIS, dua pengadak pakaian, dua bilah PEDANG bersampak emas, dua batang TUMBAK yang bersampak emas, sa-buah KASKOL yang beranak emas, dua biji BEDIL tembaga dan empat orang budak KAMITAN.

Kemudian do'a selamat pun di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

(Lihat Muka 8)

Belia2 di-seru supaya mematohi undang2 negara

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei/Muara Pengiran Dato' Paduka Haji Abd. Rahman bin Pengiran Hj. Abd. Rahim telah mengingatkan belia2 di-negeri ini supaya menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan serta Kerajaan Baginda.

Beliau menyeru supaya belia2 di-negeri ini menjauhkan

diri dari anasir2 jahat yang tidak di-ingini.

Pegawai Daerah itu juga menasehatkan belia2 supaya mematohi undang2 negara dan di-samping itu jangan-lah lupa mengerjakan surohan Allah dan menjauhi dari segala larangan-nya.

Pegawai Daerah Brunei/Muara itu telah menyampaikan seruan demikian melalui Awang Zainal Abidin bin Hj. Ibrahim sa-orang Pegawai Pentadbir di-Jabatan itu ketika merasmikan Mashuarat Agong Tahunan Persatuan Belia Sumbiling di-Pusat Belia Bandar Brunei hari Ahad lepas.

Beliau mengharapkan supaya belia2 akan membuat banyak lagi projek2 yang berupa kebajikan untuk nosa dan bangsa. Tenaga belia2 ada-lah sangat2 di-kehendaki oleh negara kita yang dalam pembangunan ini.

Kata-nya, "development is ugly in its primary stage" (pembangunan tidak akan se-

(Lihat Muka 8)

396 orang memohon untuk masuk Sekolah Pertukangan

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran telah menerima 396 permohonan untuk memasuki sekolah2 pertukangan kerajaan di-negeri ini, dalam bulan April tahun ini.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran berkata, seramai 272 permohonan akan di-pilih untuk kursus2 itu, jika sekolah2 tersebut mempunyai kaki tangan yang chukop ta-

hun ini.

Juruchapak itu berkata, chalu2 yang berjaya akan belajar penuh masa selama tiga tahun dalam jurusan bangunan di-Bandar Brunei dan kejuruteraan di-Kuala Belait.

Sa-ramai 176 permohonan akan di-pilih untuk kursus dalam jurusan bangunan dan 96 lain-nya dalam jurusan kejuruteraan.

HARI Juma'at 29hb. Zul-kaedah, 1389 hijrah bersamaan dengan 6hb. Februari, 1970 maschi petang merupakan detik yang penting yang menambahkan lagi chatetan sejarah Brunei dengan kegemilangan adat istiadat-nya selari dengan perkembangan2 kemajuan-nya yang selaras dengan kehendak2 di-zaman moden ini.

Sapertimana yang di-ketahui bahawa hari itu ialah hari yang merasmikan Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Muda Muhammad Bolkihah menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Darussalam.

Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia itu berlangsung di-Lapau, Bandar Brunei dengan penoh Adat Istiadat Diraja turun temurun dengan di-hadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir; Yang Amat Mulia Cheteria2; Ahli2 Yang Berhormat; Pengiran2, Pehin2 dan Manteri2 Pendalaman, ketua2 jabatan serta para jemputan.

Hadhir juga dalam istiadat itu ia-lah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain

Brunei, sa-bagai sa-buah negeri yang terkenal dengan kekukohan adat - istiadat-nya yang di-warisi sejak turun temurun yang kemudian-nya di-jaga dan di-perelokkan sesuai dengan kehendak2 zaman, tidak shak lagi akan semakin di-kenal dunia sa-bagai sa - buah negara yang membangun ka - arah permodenan pembangunan dan kemajuan-nya, tetapi tetap kukoh dengan adat-istiadat lama yang menjadi chermin peribadi bangsa.

Brunei semakin di-kagumi sa-bagai sa-buah negeri yang kaya dengan adat-istiadat chemerlang-nya berikutan dengan Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada 1 Ogos, 1968. Keelokan dan kekukohan Adat Istiadat Diraja Brunei dapat di-lihat pada hari itu sahingga orang2 luar negeri yang hadir pada hari yang bersejarah itu telah menumpukan minat yang khusus dengan menghalakan kamera2 untuk

merakamkan gambar2 yang indah sempena Istiadat Berpuspa itu yang kemudian-nya di-terbitkan dalam majalah2 dan akhbar2 luar negeri. Sejak itu ada-lah tidak dapat di-sangkal bahawa satengah2 orang luar, terutama yang chenderong untuk mengetahui adat istiadat dan kebudayaan telah menumpukan mata dan hati mereka kapada Brunei di-samping ka-beberapa buah negeri di-Asia yang juga mempunyai adat istiadat yang tersendiri.

Pengelokan Adat Istiadat Diraja Brunei yang dapat kita sama2 saksikan sa-takat ini adalah merupakan **keberuntungan** yang amat tinggi nilai-nya di-kalangan raayat dan penduduk negeri ini pada menyedari hakikat "**budaya nilai bangsa**" dan "**adat mengandung adab**" dan pada memberikan kesedaran untuk menjaga dan menghormati adat - istiadat yang di-warisi dari keturunan2 yang terdahulu dari kita.

Dalam MUKADDIMAH Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja dalam Istana di-buku ranchangan Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar telah bersabda:

"Bersyukur-lah kita kapada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kurnia rahmat-Nya telah mengekalkan kebudayaan kita sa-hingga maseh dapat di-gunakan hingga ka-zaman moden ini, dan dapat pula di-sesuaikan unsur2-nya dengan dunia moden di-jadikan teras kebudayaan bangsa kita. Kebudayaan dan sejarah itu-lah sumbar2 pendurong untuk kita berusaha demi menghidupkan bangsa kita sendiri".

Mengenai Istiadat Mengarak itu, MUKADDIMAH tersebut menekankan bahawa istiadat itu di-jalankan menurut Adat Istiadat Diraja yang telah di-pesaki sejak zaman berzaman, tetapi dalam pelaksanaan-nya di-sesuaikan dengan peredaran zaman dengan tidak mengubah atau merombak sendi2 Adat Istiadat tersebut.

Kemunchak pada Istiadat Mengarak itu ia-lah pada hari merasmikan gelaran tersebut di-Lapau dengan achara2 yang di-susun rapi, sementara di-luar Lapau hingga membawa ka-keliling Bandar Brunei raayat dan penduduk2 negeri berdedat2 memenohi tepi2 jalan raya untuk menyaksikan perarakan memperlihatkan wajah Yang Teramat Mulia itu.

Istiadat di-Lapau bermula dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana berdatang sembah kapada Yang Teramat Mulia

PENGELOKAN ADAT ISTIADAT DI-RAJA BRUNEI

Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha bagi Istiadat Menjunjong Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Muda Muhammad Bolkihah dari Istana Darul Hana ka-Lapau, Bandar Brunei.

Kemudian, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha bersabda dengan menjunjong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan supaya Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara mengelalai istiadat menjunjong itu dengan di-iringkan oleh Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 dan Manteri2. Maka rombongan itu pun berangkat ka-Istana dengan di-iringkan oleh pegawai2 yang membawa alat2 kebesaran Diraja yang memakai pakaian sepengadak hitam, berdasar, bersinjang dan bersasandang wali kekuningan; sa-orang hulubalang membawa Kampilan, sa-orang hulubalang membawa Kelasak; 32 orang membawa Sinipit; 12 orang membawa Tombak Bendarangan yang bersampak emas dan perak; 12 orang membawa Pedang yang bersampak emas dan perak dan 12 Perisai; dan 8 orang membawa Kabok dan 8 Penastan.

Apabila rombongan itu berangkat ka-Istana Darul Hana, maka KERIS SI-KIKIL pun tiba di-Lapau dengan di-bawa oleh Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Sanggamara Laila Bentara Diraja dan di-letakkan di-tempat khas di-sabalah kanan petaratna.

Sa-telah itu di-ikuti dengan keberangkatan tiba ka-Lapau, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan. Pada ketika itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan menatang CHIRI GELARAN. Maka istiadat menjunjong CHIRI itu pun di-jalankan dengan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha menyebarkan supaya Yang Di-Muliakan Pehin Si-Raja Khatib menjunjong chiri itu dari Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan.

Di-Istana Darul Hana, sebaik2 saja rombongan menjunjong itu tiba, maka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja mengadap Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar kerana menyebarkan bahawa rombongan menjunjong itu telah siap sedia. Kemudian, Yang Teramat Mulia itu berangkat dari Istana Darul Hana ka-Lapau, Bandar Brunei dengan di-iringkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Manteri dan pegawai2 yang membawa perhiasan tunggal serta alat2 kebesaran Diraja.

Ketibaan rombongan itu di-Lapau terlebih dahulu menjalani Istiadat Berpuspa. Tiga sa-banyak tiga kali dan kemudian baru-lah Yang Teramat Mulia itu berangkat masok mengadap dan dudok di-tempat yang di-khaskan. Sa-lepas itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana menyebarkan kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha

bahawa majlis menganugerahkan gelaran telah siap sedia. Kemudian Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha pun menyebarkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi berkenan Baginda untuk memulakan istiadat itu. Berikutan dengan itu, Baginda pun menitahkan supaya istiadat itu di-mulakan.

Istiadat bermula dengan penapakan sa-gangsa sireh yang lengkap beralas ka-bahu kanan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan. Sasudah itu chiri pun di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Si-Raja Khatib Awang Haji Abdul Hamid dan di-ikuti dengan timbakan meriam sa-banyak 17 das. Dengan itu rasmi-lah gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar sa-bagai kepala wazir bagi Negeri Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, kurnia persalinan dan alu2an pun di-anugerahkan yang terdiri daripada sa-bilah KERIS; dua pengadok pakaian (sepengadok berkulah dan berkamar dan sepengadok persalinan biasa); dua bilah PEDANG yang bersampak emas; dua batang TOMBAK yang bersampak emas; sa-buah KASKOL yang beranak emas; dua biji BADIL tembaga; dan empat orang budak KAMITAN ia-itu dua laki2 untuk membawa kaskol dan tungkat dan dua orang perempuan untuk mengangkap santapan dan penjaga santapan.

Kemudian do'a selamat pun di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja.

Sa-lepas itu, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana menyebarkan KERIS SI-KIKIL Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk di-susupkan kapangkal arat sinjang Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar. Kemudian, Yang Teramat Mulia itu pun melaksanakan istiadat berziarah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan KERIS SI-KIKIL pun di-susupkan baginda saperti yang tersebut di-atas.

Sa-telah itu, Yang Teramat Mulia itu lalu berangkat ka-bilek ri-hat Dewan Majlis dengan di-iringkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2 Pehin2 Manteri dan pegawai2 yang membawa perhiasan tunggal dan alat2 kebesaran Diraja.

Semasa Yang Teramat Mulia itu berada di-bilek ri-hat, istiadat di-Lapau maseh berjalan dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana menyebarkan kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha bahawa istiadat penganugerahan gelaran itu telah sempurna di-laksanakan. Sa-terus-nya di-sembahkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

(Lihat Muka 6)

MASAALAH belia2 belasan tahun atau penuntut2 yang ingin serta suka menchamporkan diri ka-dalam perjumpaan2 yang riah rendah yang melanggar tata tertib susila dan batas2 agama ada-lah perkara yang mesti diambil perhatian yang berat khas oleh ibu bapa dan guru2, kerana kalau keadaan yang sa-demikian di-biarkan berlarut2an di-takuti akan menimbulkan akibat yang berat kapada mas-harakat kita yang akan datang.

Negeri Brunei menghendaki belia2 dan penuntut2 yang terpelajar, tetapi sa-takat berpelajaran tinggi sahaja tidak-lah menchukopi, bahkan di-kehendaki perkara2 lain lagi sesuai dengan keadaan sekeliling. Di-anara perkara itu termasuklah mengetahui dan menghormati batasan2 dan ajaran2 agama.

Tidak dapat di-nafikan bahawa-hawa-sanya negeri kita sekarang di-masoki oleh pengaroh2 atau keadaan2 yang tidak menyenangkan, yang di-maksudkan pengaroh2 atau keadaan yang tidak menyenangkan itu termasuklah anasir2 yang sa-chara tidak di-sedari

boleh menjauhkan diri belia2 kita daripada ajaran2 agama atau pun boleh menimbulkan perasaan benchi kapada batas2 atau ajaran2 agama yang pada anggapan mereka bahawa aga-

Perjumpaan2 rioh rendah yang melanggar tata tertip dan batas2 agama tidak harus di-biarkan

KHUTBAH JUMA'AT

ma ada-lah batu penghalang kapada kemajuan.

Apakah sa-benar-nya yang di-katakan kemajuan itu? Masing2 boleh memberikan jawapan. Tetapi tidak - lah dapat di-ragukan bahawa sesuatu bangsa itu dapat di-anggap maju jika anak2 bangsa-nya mempunyai pelajaran yang tinggi serta berbudi bahasa dan menjunjung tinggi keperchayaan atau ajaran2 yang di-anut-nya.

Menyentuh dari segi keperchayaan atau ajaran2 yang di-anut oleh saseorang atau kumpulan2, maka ada baik-nya kita mengikut serba sedikit berhubung dengan kesah didalam Al-Quran yang terkenal sa-bagai kesah penghuni gua atau di-sebut "Ashabul-kahfi" bahawa di-kesahkan ada sekumpulan belia2 yang tidak mahu tundok kapada pengaroh dan keadaan2 yang menyeku-

tukan Tuhan, mereka tidak menyembah berhala, bahkan mereka sanggop mati demi untok mempertahankan keperchayaan yang mereka anut, keperchayaan itu ia-lah tiada Tuhan yang di-sembah melainkan Allah. Kesah ini termaktub dalam surat Al-Kahfi ayat 13 dan 14 yang bermaksud:

"Kami (Tuhan) cheritakan kapada engkau ya Mohamad, cherita mereka (belia) itu dengan sebenar nya. Sesungguh-nya mereka itu ada-lah belia2 yang beriman kapada Tuhan mereka dan kami (Tuhan) tambahi mereka dengan petunjuk dan pimpinan, dan kami (Tuhan) teguhkan hati mereka ketika mereka dengan lantang-nya berkata, Tuhan kami ia-lah Tuhan langit dan bumi, kami sekali2 tiada menyeru selain daripada-nya dan jika kami sembah selain dari pada Allah, tentu-lah kami mengatankan perkataan yang salah".

Dalam kesah tersebut sekumpulan belia2 mempertahankan diri daripada pengaroh2 yang ingin mengugut keperchayaan mereka dari segi agama. Maka ada-lah di-serukan kapada belia2 dan penuntut2 di-negeri ini supaya mempelajari dan mengetahui serta menghormati ajaran2 agama mereka, kerana jika hati mereka kosong daripada keperchayaan dan ajaran2 agama tentu-lah mereka akan senang di-pengarohi atau di-hinggapi oleh pengaroh2 atau anasir2 yang bertentangan dengan ajaran2 agama itu dan di-takuti akan timbul kumpulan belia2 yang benchi kapada agama. Perkara ini terlalu rapat hubungan-nya dengan pelajaran agama di-sekolah2.

Oleh yang demikian, ibu bapa dan juga guru2 patut-lah mengambil perhatian yang berat dalam perkara pelajaran agama penuntut2 kita sekarang ini.

Banyak lagi kelas2 dewasa Ugama akan di-buka

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Kelas Dewasa Jabatan Hal Ehwal Ugama sedang merancang bagi memperluas dan memperkembangkan lagi pelajaran Ugama dan membacha Al-Quran untuk orang2 dewasa di-seluruh negeri.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata untuk melancarkan pelajaran2 itu bagi tahun ini, dan tahun2 yang akan datang, kelas2 dewasa akan di-tambah lagi bilangan-nya.

Kata-nya, permohonan2 bagi memasoki kelas2 dewasa Ugama dan Quran itu ada-lah di-terima mulai dari sekarang.

Pemohon2 dari Penghulu, ketua2 kampung atau pertubohan belia yang ingin hendak menubuhkan kelas2 dewasa Ugama dan Quran hendak-lah mengirinkan permohonan2 mereka kapada Nazir Dewasa di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bandar Brunei; Nazir Daerah Belait/Tutong dan Temburong tidak lewat 28 Februari ini.

Setiap pemohon untuk membuka kelas2 itu hendak-lah mempunyai chalu2 pelajar-nya tidak kurang dari 20 orang dewasa lelaki atau perempuan.

Borang2 permohonan boleh

di-dapati di-Pejabat Pelajaran Jabatan Hal Ehwal Ugama Bandar Brunei, di-Belait, Tutong dan Temburong atau guru2 kelas dewasa Ugama-Quran di-kampung2 di-mana kelas2 itu akan di-adakan.

Peraduan Quran anjonan INSAP

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Ikatan Setia Pahlawan Brunei-INSAP akan mengadakan peraduan membacha Al-Quran sempena menyambut Hari Raya Haji pada hari Selasa 17 Februari mulai jam 7.15 malam.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, peraduan tersebut hanya terbuka kapada persatuan2 belia di-Daerah Brunei-Muara. Tiap2 persatuan di-kehendaki menghantar dua orang peserta lelaki dan perempuan.

Borang2 masuk peraduan hendak-lah di-hantar kapada Awang Ibrahim bin Mohamad Yusof di-Jabatan Talikom Brunei dan Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman Jabatan Kebajikan Masyarakat Brunei.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11 Feb. 1970 hingga ka hari Selasa 17 Feb. 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
11 Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
12 Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
13 Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
14 Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
15 Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
16 Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
17 Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



11hb. Februari, 1970

BOLA SEPAK ASIA

BRUNEI akan menghantar pemain muda-nya ka-pertandingan bola sepak Asia yang akan berlangsung di-Manila dalam bulan April ini. Untuk menyertai pertandingan itu ada-lah tergantung kepada syarat2 umur pemain2 yang tidak lebih dari 20 tahun.

Apakah Brunei akan dapat menghantar pemain2 dalam lingkungan syarat umur itu? Banyak ramalan2 telah timbul bahawa Brunei tidak akan dapat menimbulkan pemain2 yang baik yang berumur di-bawah 20 tahun dan jika pun dapat menghantar-nya tidak akan dapat memperoleh kemenangan yang chemerlang.

Kita tidak akan mengulas kemungkinan kemenangan kita dalam sebarang perlawanan so-kan, kerana ada-lah lebih baik bagi kita sa-bagai sa-buah negeri yang kecil mengamalkan sifat2 yang tidak mengembargemborkan kebandalan, tetapi dalam pada itu kita akan terus mengamalkan sikap untuk melangkah terus. Walau pun pada titik permulaan kita agak jauh tertinggal, tetapi ukuran2 hendak-lah kita selaraskan dengan keadaan kita dan penduduk2 kita. Sa-chara sadar kita terpaksa menga-kuai akan kekurangan kita da-lam banyak hal di-lapangan so-kan ini, terutama dalam menda-patkan pemain2 yang mem-punyai kecekalan dan sumber2 pendurong yang dapat menge-nahkan pemain2 kita. Te-tapi ada-kah kerana itu, kita tidak boleh mencapai kema-juan atau tidak dapat menim-bulkan pemain2 yang baik?

Untuk menetapkan pemain2 yang berumur 20 tahun keba-wah yang akan mewakili Bru-nei dalam pertandingan Bola Sepak Asia itu sa-bagai pe-main2 yang handal dan tahan lasak dan serba mungkin men-chapai kemenangan yang besar ada-lah satu sikap yang kurang baik di-amalkan. Seba-lek-nya kita turut mengalu2kan pen-dapat2 yang sering di-suarakan oleh pihak2 yang berkenaan yang mempunyai tanggung-ja-wab yang lebih besar dalam lapangan itu yang hanya me-nyatakan sikap sederhana saja dalam soal kemenangan. Dalam pada itu, amat jelas menunjok-kan usaha2 mereka yang lebih bermakna ia-itu dengan mem-pesatkan latehan2 di-samping menimbulkan galakan2 yang da-pat menimbulkan bakat2 pe-main2 Brunei dengan chara mengadakan perlawanan2 dalam negeri.

Pada masa ini di-Padang Besar, Bandar Brunei saban hari dapat di-lihat bagaimana pemilehan2 yang di-jalankan ka-atas pemain2 yang bakal di-hantar ka-Manila itu. Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei telah menerima sa ramai 75 orang pemuda2 yang ber-umur 20 tahun kebawah yang terdiri dari bakat2 baru dalam permainan bola sepak. Dalam jumlah itu hanya 14 orang akan di-pilih termasuk 3 orang sim-panan yang akan di-hantar ka-perlawanan itu.

Menilek kepada jumlah pen-daftaran dan jumlah yang akan di-hantar itu, maka tidak shak lagi jurulatih2 dan pemilih2 itu akan berusaha keras untuk me-milih pemain2 yang benar2 di-kehendaki untuk mewakili Bru-nei.



Bendera Peribadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Per-dana Sahibul Himmah Wal-Waqar, yang bertanah2kan putih dengan lambang P dan di-sulai dengan Keris Si-Kikil berwarna kekuningan.

Gambar2 di-Istiadat Mengarak Paduka Duli Pengiran Perdana

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika bersemayam di-Singghasana, Lapau Bandar Brunei dalam masa Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Muda Muhammad Bol-kiah menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, ia-itu kepala wazir bagi Negeri Brunei Darussalam.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika berangkat balek dari Lapau, Bandar Brunei ka-Istana Darul Hana sa-lepas Istiadat penganugerahan gelaran.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar ketika memeriksa perbarisan kehormatan yang terdiri dari pasukan Polis Di-Raja Brunei di-bawah arahan ASP Awang Abd. Rahman bin Ag. Besar.

Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar menjalani istiadat berziarah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.





Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir
2kan putih dengan lambang Panji2 Brunei
-Kikil berwarna kekuningan.

Mengarak Y.T.M Seri giran Perdana Wazir




Wajah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin di-Istiadat Mengarak Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir yang penoh dengan adat istiadat Diraja yang gemilang

Wajah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah ketika menjalani perarakan mengelilingi Bandar Brunei untuk di-perkenalkan kepada rakyat jelata.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar ketika berangkat sa-lepas istiadat penganugerahan gelaran itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang menyusupkan KERIS SI-KIKIL kapangkal arat sinjang adinda Baginda yang di-anugerahkan Baginda gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar dalam Istiadat yang gilang gemilang di-Lapau Bandar Brunei pada hari Juma'at 6 Februari, 1970.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar sedang membalas tabek hormat Diraja dalam perbarisan kerana mengalu2kan penganugerahan gelaran itu.



Yang Di-Muliakan Pehin Si-Raja Khatib Awang Haji Abdul Hamid sedang membachakan chiri gelaran.

Bekalan letrik akan di-ambil aleh

SERIA. — Jabatan Letrik merancang akan mengambil aleh bekalan letrik ka-markas tentera di-Seria yang sekarang mendapatkan bekalan kuasa itu dari Sharikat Minyak Shell Berhad, Seria.

Sa-orang juruchapak Jabatan Letrik berkata pehak kerajaan sedang memberikan pertimbangan kepada tender2 kerana projek itu.

Juruchapak itu berkata, kerja2-nya ada-lah meliputi pemasangan kebal bawah tanah dari station perkhidmatan Kuala Belait di-batu empat ka-station perkhidmatan dekat markas tentera di-Seria itu.

Apabila siap kelak, kuasa letrik akan di-bekalkan melalui kebal dari station perkhidmatan Kuala Belait ka-station perkhidmatan BSP-Seria.

PENGELOKAN ADAT ISTIADAT DI-RAJA BRUNEI

(Dari Muka 2)

Yang Di-Pertuan. Berikutan dengan itu, maka Baginda pun berangkat dari majlis dengan di-ikuti oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan.

Kemudian dari itu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar berangkat untuk menerima tabek barisan kehormatan di-pekarangan Lapau yang terdiri dari Pulis Diraja dan pencharagam-nya. Sa-lepas menerima tabek Diraja dan memereksa perbarisan itu, maka Yang Teramat Mulia itu dengan di-iringkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 Manteri dan pegawai2 yang membawa perhiasan tunggal dan alat2 kebesaran Diraja berarak keliling bandar dan sa-terus-nya berangkat balek ka-Istana Darul Hana.

Di-tepi2 jalan2 raya yang dilalui oleh perarakan itu, di-samping penoh sesak oleh orang ramai, di-penohi juga oleh diritan barisan kanak2 sekolah sambil mengibar2kan bendera peribadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar yang bertanah2kan puteh dengan lambang "Panji2 Kerajaan" dan di-sulai dengan KERIS SI-KIKIL berwarna kuning.

Demikian gambaran Adat Istiadat Diraja yang gilang gemilang yang baru saja berlangsung di-Lapau, Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

Setem2 khas maseh di-jual

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pos Agong, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim berkata, pejabat2 pos di-seluruh negeri, sa-takat ini telah menjual 225,500 keping setem2 khas sempena memperingati pembukaan rasmi Pusat Belia Brunei.

Stem2 yang berharga 30 sen; 10 dan 6 sen itu mula di-jual

pada 20 Disember tahun lepas.


Pengiran Bahar berkata, kira2 125,000 keping lagi setem yang berharga 6 sen; 155,500 keping yang berharga 10 sen dan 93,500 keping yang berharga 30 sen, akan terus di-jual dalam tempoh tiga bulan atau hingga setem2 dalam simpanan habis di-jual.



391 orang jemaah haji Brunei tahun ini


Gambar atas, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota, Kadhi Besar, Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama dan ahli2 Penasihat Haji serta wakil2 Sharikat Pelan-chongan Kalimantan Brunei ia-lah di-antara yang meng-ucapkan selamat belayar kepada jemaah2 haji itu.

Jemaah2 haji ketika menaiki kapal terbang yang membawa mereka terus ka-Singapura. Dari Singapura mereka menaiki sa-buah kapal terbang yang di-sewa khas.



38 orang telah di-batalkan pemergian mereka di-sebabkan kampong2 mereka telah di-ishtiharkan sa-bagai kawasan yang di-serang oleh wabak kolera.

Jemaah haji Brunei yang menaiki kapal laut ia-lah sa-ramai 244 orang yang menjadikan sa-ramai 391 orang raayat dan penduduk negeri ini telah menunaikan rukum Islam yang ke-lima itu pada tahun ini.



Jemaah2 haji dari rombongan kedua ketika meninggalkan bangunan lapangan terbang. Mereka telah di-hantar di-lapangan terbang oleh sanak saudara dan sahabat handai termasuk jawatankuasa2 Penasihat Haji dan wakil2 Sharikat Pelan-chongan Kalimantan, Brunei. Yang berbaju puteh itu ia-lah Y.B. Penulong Menteri Kebajikan dan Pos, Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Limbang, sa-bagai salah sa-orang jawatankuasa Penasihat Haji.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

a) PENTERJEMAH Kelayakan2 Dan Pengalaman:

- a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai ke-

lulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya.

- b) Mempunyai pengalaman menterjemah sa-kurang2-nya

selama tiga tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 EB4 — \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sahara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama enam bulan. Pem-baharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama. Pemohon2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai aayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantik sa-sahara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

b) PEMANDU:

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah raayat D.Y.M.M. Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian.
b) Mesti-lah berumur antara 20 dan 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
c) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen pemandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaik kerosakan2 kechil.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 — \$200 x 5 — 220.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 27 Februari, 1970.

Sa-bagai Jururawat Gigi Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan atau berhak di-daftarkan sedemikian untuk di-lantik ka-jawatan Jururawat2 Gigi Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 28 tahun dan mereka mesti-lah bujang. Mereka mesti-lah lulus Sijil Brunei Junior atau kelulusan yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri ka-pada mereka yang lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut.

Gaji:

Jururawat2 Gigi Perchubaaan — D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB270 x 15 — 360.

Jururawat2 Gigi Terlatih — D3 — \$380 x 20 — 480.

Tempoh Perchubaaan:

- a) Chalun2 yang terpilih akan di-lantik dalam perchubaaan selama 3 tahun 4 bulan sa-bagai Jururawat2 Gigi pe-lajar dan di-kehendaki nen-jalani latehan di-Sekolah Per-gisian Persekutuan di-Pulau Pinang atau lain2 pusat latehan yang tertentu. Latehan di-Pulau Pinang, Malaysia, ini akan mengambil masa selama 2 tahun 4 bulan.

- b) Setelah menamatkan latehan di-Pulau Pinang, atau di-mana2 tempat latehan, Jururawat2 Gigi Perchubaaan akan di-kehendaki bertugas di-Klinik2 Pergisian Brunei di-bawah pengawasan Pegawai Pergisian selama satu tahun.

Tugas2:

Jururawat2 Gigi Perchubaaan akan di-tempatkan di-Klinik2 Gigi di-sekolah2 di-seluruh Negeri. Pakaian seragam akan di-beri perchuma.

Elaon

Semasa menjalani latehan di-Pulau Pinang atau di-mana2 tem-

pat latehan, elaan sara hidup sebanyak \$5/- sa-hari akan di-berikan \$30/- sa-bulan bagi elaan kenderaan dan sewa tempat tinggal yang di-persetujui akan di-bayar. Pemohonan2 yang mesti di-

penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, tidak lewat daripada 23 Februari, 1970.

Sa-bagai Pegawai Gigi

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk di-lantik ka-jawatan Pegawai Gigi di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai salah satu daripada kelulusan2 yang berikut:-

- a) L.D.S. / B.D.S. (Singapura) atau
b) B.D.S. (Malaya) atau
c) Sebarang ijazah, diploma atau lesen yang di-iktirafkan sa-bagai membolehkan ia di-daftarkan oleh General Dental Council di-United Kingdom.

Pengalaman:

Chalun2 mesti-lah mempunyai beberapa tahun pengalaman. Mempunyai pengalaman dalam Perkhidmatan Rawatan Gigi ka-Sekolah2 ada-lah merupakan satu kelebihan. Semua butir2 mengenai kerja2 latehan ilmiah (post graduate work) hendak-lah di-sebutkan semasa memohon.

Tugas2:

Tugas2 termasuk-lah memberi rawatan di-Sekolah2 rumah2 sakit serta klinik2 gigi bergerak.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B2 EB3 — \$1020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50 — 1820. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman yang telah di-perolehi.

Tempoh Perkhidmatan:

Satu kontrek selama 3 tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% dari-

pada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei pada masa ini.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Februari, 1970.

Sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat III

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dan dalam jawatan tetap untuk memenohi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Setor Alat Tulis Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2 Dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI Sekolah Melayu dan telah berkhidmat dengan Kerajaan selama sekurang2-nya 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 —

\$200 x 10—270/EB/280 x 10—330.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Februari, 1970.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



Pegawai Kewangan Negara (berdiri ditengah2) yang baru2 ini di-anugerahkan gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Di-Raja sedang menapakkan gangsa sireh ka-bahu Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dalam Istiadat Mengurniakan gelaran 'Pehin' kepada beliau pada hari Selasa lepas. Pengarah Perubatan itu sekarang di-kemali sa-bagai Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja, Dato Setia Dr. P. I. Franks.

Istiadat mengurniakan gelaran itu telah di-langsungkan di-Lapau Bandar Brunei dengan di-hadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair dan pembesar2 negara.



Kemungkinan Brunei bebas dari kolera pada 14 Februari

BANDAR BRUNEI. — Pesakit kolera yang akhir sekali telah di-keluarkan dari rumah sakit dan tidak ada lagi kejadian penyakit itu di-masokkan dalam masa 12 hari yang lalu.

Dua puluh satu orang yang mengidap penyakit itu sejak negeri ini di-serang oleh penyakit yang merbahaya itu telah di-keluarkan dari rumah sakit pada minggu lepas.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Setia Dr. P. I. Franks berkata, jika keadaan kolera itu terus menerus tidak berubah, Brunei akan di-ishtiharkan bebas dari jangkitan penyakit tersebut pada 14 Februari.

Pehin Dato Setia Franks berkata, 21 dari 23 buah rumah yang dikenakan kurantin telah di-ishtiharkan bebas dari jangkitan penyakit itu.

Beliau berkata, pembebasan dua buah rumah yang lain-nya itu sedang di-uruskan.

Penduduk2 rumah2 itu ada-lah pesakit atau pembawa2 yang sehat dan di-rawat selama lima hari dalam keadaan terasing.

Pemeriksaan makmal yang terakhir sedang di-jalankan ka-atas orang2 yang mengidap penyakit itu sa-belum mereka di-ishtiharkan bebas dari jangkitan kolera.

Sa-takat ini sa-jumlah 122,427 orang telah di-suntik untuk mencegah penyakit kolera.

Mereka yang belum bersuntik ada-lah di-nasehatkan supaya datang berbuat demikian dengan se-beberapa segera.

Derma untuk tabong Rumah Orang2 Tua bertambah

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait sa-hingga semalam telah memperolehi kutipan sa-banyak \$19,429.00 derma dari orang ramai sempena menyambut Tahun Baru China bagi membantu rumah orang2 tua di-Seria.

Ini ada-lah jumlah yang terbesar sekali yang pernah di-lakukan oleh majlis itu dan ada-lah di-jangkakan bahawa dalam masa sa-hari dua ini akan banyak lagi derma2 yang datang dari orang ramai.

Derma2 yang sa-jumlah itu ada-lah datang-nya dari pen-derma2 di-Bandar Brunei sa-banyak \$9,482.00; di-Seria sa-banyak \$5,817.00; dari Kuala Belait sa-banyak \$3,345.00 dan dari Tutong sa-banyak \$785.00.

Kutipan derma tahun lepas sempena Tahun Baru China ia-lah sa-banyak \$18,025.41.

Sementara itu, majlis itu juga akan mengadakan temasha pasar ria pada 14 Februari ini di-Pusat Palang Merah Seria untuk melaksanakan ranchangan2-nya yang lain termasuk bagi pemeliharaan rumah orang tua di-Seria.

J/K baru Persatuan Sumbiling

(Dari Muka 1)

nunoh dalam peringkat permulaan) tetapi sa-telah pembangunan dan projek2 itu siap ia akan menjadi khayalan istimewa untuk semua-nya.

Beliau juga mengesa beliau2 supaya bantu membantu dan berkerja berganding bahu dalam persatuan sendiri dan persatuan2 yang lain kerana beliau2 maseh sa-perahu tegas-nya sa-negeri.

Pengiran Dato Paduka Hj. Abd. Rahman itu juga mengharapkan agar pemuda pemudi di-negeri ini memperkotakan dan memperjuangkan kata Pemuda Harapan Bangsa dan Pemuda Tiang Negara.

Pegawai Daerah itu juga menekankan nama beliau agar terpilihara sa-bagai beliau yang menjadi tulang belakang negara. Beliau mengingatkan dengan kata2 'bersatu kita tegoh bercherai kita ruboh'.

Turut memberi ucapan dalam majlis itu ia-lah Yang Di-Pertua MBB Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Hj. Mohd. Zafin bin Hj. Serudin.

Dalam mashuarat itu juga Persatuan itu telah memileh anggot2 baru untuk tahun 1970.

Yang Di-Pertua — Awang Husain bin P.O.K. Digadong Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Naib Yang Di-Pertua — Ak. Suhaimi bin Pengiran Wahid.

Pengerusi Tetap — Awang Abd. Kadir bin Che'ku.

Setia Usaha Agong — Awang Md. Tamin bin Abdullah.

Naib Setia Usaha Agong — Awang Zulkifli bin Abd. Latif.

Bendahari Agong — Awang Bu-jang bin Yahya.

Penolong Bendahari Agong — Norzainah bte A. Damit.

Setia Usaha Perekonomian — Awang Rosli bin Omar.

Naib Setia Usaha Perekonomian — Awang Ibrahim bin Md. Yusof.

Setia Usaha Penerangan/Pendidekan — Awang Othman bin A. Damit.

Naib Setia Usaha Penerangan/Pendidekan — Awang Mohd. Yusof bin Murni.

Setia Usaha Kebudayaan — Awg. Mohd. Noor bin Muhammad.

Naib Setia Usaha Kebudayaan — Dayang Masnah bte. Zakaria.

Setia Usaha Sosial — Awang Zainee bin Md. Daud.

Setia Usaha Kebajikan — Awang Ahmad bin A. Hitam.

Setia Usaha Sokan — Awang Muhammad bin Che'ku.

Jawatan Kuasa Pembantu Umum:

1. Awang Mustapha bin Murni.

2. Awang Ariffin bin Abd. Rahman.

3. Awang Samin bin Zakaria.

4. Dk. Noraini.

5. Dayang Rohani binti Abd. Wahab.

Istiadat Mengarak

(Dari Muka 1)

Sa-lepas itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pun menyusupkan KERIS SIKIL ka-pangkal arat sinjang Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar.

Sa-telah berehat sa-bentar di-bilek rehat Dewan Majlis, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar pun berangkat untuk menerima tabek dan barisan kehormatan di-pekarangan Lapau yang terdiri dari Pulis Diraja dan pencharagam-nya.

Kemudian Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir dengan di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara pun di-arak dalam sa-buah kereta yang di - hiasi khas mengelilingi Bandar Brunei untuk di-perkenalkan kepada raayat jelata, dan seterusnya berangkat balek ka-Istana Darul Hana.

Perarakan itu di-dahului oleh pegawai2 yang membawa Perhiasan Tunggal dan alat2 kebesaran Diraja.

Di-tepi2 jalan2 raya yang dilalui oleh perarakan itu, di-samping penoh sesak oleh orang ramai, di - penohi juga oleh diritan barisan kanak2 sekolah sambil mengibarkan bendera peribadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar yang bertanah2kan puteh dengan lambang Panji2 Kerajaan dan di-sulai deane KERIS SIKIL berwarna kekuningan.

Sa-bagai menyambut Istiadat Perarakan Kepala Wazir itu perarakan maseh lagi di-adakan di-pekarangan Istana Darul Hana sa-hingga 13 Februari.

Gambar2 di-Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir itu di-siarkan di-muka tengah dalam keluaran ini.

75 pemain bola di-daftarkan

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei telah mendaftarkan 75 orang pemain2 bola sepak dari seluruh negeri apabila pendaftaran-nya ditutup pada 5 Februari, lepas.

Sa-ramai 14 orang dari pemain2 itu termasuk 3 orang simpanan akan di-pileh bagi mewakili negeri ini ka-pertandingan bola sepak Asia yang akan berlangsung di-Manila bulan April depan.

Jawatankuasa pelatoh telah dilantik yang terdiri dari Awang Mohammed bin Ismail sebagai Ketua; Awang Abdul Karim bin Pukul sa-bagai Setiausaha; Awang Suhaili bin Lani dan Awang Frankie Ho pelatoh barisan penyerang; Awang Idris bin Abdul Hamid dan Awang Abdul Rahman bin Sanif pelatoh barisan tengah; Awang Rahim bin Yusof pelatoh barisan pertahanan dan Awang Ariffin bin Abdul Rahman pelatoh pintu.

Pegawai Pendaftar Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei Awang Hussain bin Zainal berkata, latehan2 akan di-jalankan pada tiap2 hari hingga 1 Mach.